



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**KLSCCCI MERDEKA *FOODIE RUN*
TAHUN 2024**

**18 OGOS 2024 (AHAD)
7.00 PAGI
ANJUNG FLORIA, PUTRAJAYA**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani.

SALUTASI

(* *disediakan secara berasingan*)

PENDAHULUAN

1. Saya ingin menyampaikan ucapan salam hormat dari YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara yang tidak dapat bersama kita pada hari ini atas urusan rasmi yang lain. Oleh itu, saya akan membacakan ucapan penuh Menteri Perpaduan Negara.
2. Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua hadirin atas kesudian untuk bersama-sama dalam majlis pada pagi ini iaitu **Program Merdeka *Foodie Run***.
3. Tahniah diucapkan kepada **Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor** (*The Chinese Chamber of Commerce and Industry of Kuala Lumpur & Selangor*) di atas penganjuran program Merdeka *Foodie Run* yang telah memasuki edisi kedua pada tahun ini.

SEMARAK PERPADUAN MELALUI SUKAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Demi menyokong aspirasi perpaduan, sukan adalah antara unsur yang dilihat sebagai medium penyatuan pelbagai etnik yang paling berkesan di Malaysia. Hal ini kerana rakyat Malaysia secara umumnya amat sinonim dengan semangat kesukanan yang tinggi dalam masyarakat.

5. Sukan dilihat masih mampu menjadi landasan dalam memupuk perpaduan antara kaum. Biar pun berlainan fahaman politik, berbeza agama dan bangsa namun ketika menyokong pasukan negara yang bertanding, tembok yang tebal itu boleh dihapuskan. Contohnya, apabila pasukan Malaysia bertanding di Olimpik Paris baru-baru ini, semua sempadan terhapus dengan sendirinya kerana kita memberi fokus agar kemenangan dapat dicapai. Semuanya bersatu. Sama-sama bersorak, sama-sama menjerit dengan satu citra - Malaysia perlu menang.

6. Program hari ini turut diadakan bersempena sambutan Hari Kebangsaan yang ke-67 tahun yang akan tiba tidak lama lagi. Merdeka *Foodie Run* bukan sekadar satu aktiviti sukan biasa tetapi juga merupakan salah satu platform

signifikan untuk menggalakkan semangat perpaduan di negara ini terus subur.

7. Inisiatif yang dilaksanakan oleh KLSCCCI ini mencerminkan tekad penganjur untuk memupuk perpaduan rakyat Malaysia dan menonjolkan kepelbagaian budaya serta kekuatan perpaduan negara kita. Pada hari ini sahaja **kita berjaya menghimpunkan lebih 3,000 orang.**

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Bagi menyatukan kaum dalam sukan, kita perlu bermula dengan sukan rakyat. Perkara ini perlu dilakukan dengan melibatkan semua masyarakat tanpa mengira kaum. Pihak swasta diseru untuk terlibat sama dalam perkara ini. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa mengalu-alukan penglibatan pihak swasta dan korporat melalui kolaborasi strategik bersama kementerian. Ketika ini sahaja Kementerian mempunyai sebanyak lebih 90 Friends of Unity yang sentiasa bersama dalam menjayakan agenda perpaduan dan integrasi nasional.

9. Saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas jemputan KLSCCCI dan pasukannya yang begitu komited menjayakan majlis pada hari ini.

10. Akhir kata, dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan **KLSCCCI Merdeka Foodie Run Tahun 2024**.

Sekian, terima kasih.